



**BUSUK... penduduk tidak tahan dengan bau baja kompos tahi ayam yang dibiarkan berlonggok di tempat terbuka.**

# Bau busuk 3 kilometer

Penduduk tak tahan hidu tapak proses baja tahi ayam

>>Oleh Yusmawati Mhd Yusof  
yusmawati@hmetro.com.my

**M**ELAKA: Bukan hanya menghidu bau busuk yang meloyakan, penduduk di sekitar Kampung Semabok, dekat sini, mendakwa turut terpaksa menerima 'kunjungan' lalat dalam kediaman mereka.

Bau dihidu sejak tiga bulan lalu itu dikatakan berpunca kerja pemrosesan baja kompos tahi ayam diusahakan di kawasan berhampiran.

Difahamkan, bau itu boleh dihidu sejauh tiga kilometer termasuk di kawasan taman perumahan berhampiran.

Penduduk, Jamil Umar, 35, berkata, keadaan bertambah teruk ketika hujan apabila bau busuk najis haiwan itu semakin kuat hingga boleh menyebabkan muntah.

"Pada awal proses, keadaan lebih teruk kerana najis berkenaan dikumpulkan dalam beberapa longgokan besar dan dibiarkan secara terbuka.

"Kami membuat aduan kepada pihak berkuasa tem-

patan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan wakil rakyat sebelum pengusaha itu dikompaun serta diarah membungkus najis berkenaan dalam kampak," katanya.

Namun, katanya, longgokan ribuan kampak dipenuhi najis itu masih terbiar di kawasan terbuka.

Katanya, lebih membimbangkan apabila kawasan yang terletak 100 meter dari rumahnya itu juga ditakungi air dan mengalir ke parit seterusnya ke Sungai Parit Cina.

"Wakil pengusaha memberitahu longgokan kampak itu akan dipindahkan, namun sehingga kini tiada tindakan diambil dan kami terpaksa menghidu bau busuk.

"Bau itu dikhuatiri menjejaskan kesihatan kanak-kanak di sini kerana ada yang mengalami masalah lelah dan kulit sensitif," katanya.

Bagi peniaga gerai makan, Norfaizah Shaari, 42, sejak proses baja kompos itu dilakukan, perniagaannya terjejas teruk kerana pelanggan tidak tahan menghidu bau busuk.

"Gerai saya juga dipenuhi lalat, malah masuk ke dalam makanan dan minuman pelanggan. Saya berharap masalah ini diselesaikan segera kerana membabitkan kesihatan dan kepentingan awam," katanya.

Sementara itu, Pengarah JAS negeri, Abd Hapiz A Samad berkata, tapak pemrosesan baja kompos itu diperiksa bulan lalu dan didapati tidak sesuai untuk kegiatan berkenaan kerana terletak berhampiran penempatan awam.

"Bagaimanapun, JAS tidak dapat mengambil tindakan kompaun berikutan ia diusahakan untuk penyelidikan selain secara kecil-kecilan dan bukan sebagai industri. Selain itu, tiada peraturan khusus JAS yang boleh menyekat masalah bau.

"Namun, kami menasihatkan pengusaha itu supaya memindahkan kegiatannya ke kawasan lebih sesuai. Difahamkan, dia bersetuju berbuat demikian dan kami turut menyarankan PBT meneliti masalah ini," katanya.